## Praktis PT3 Bahagian A

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.

1. "__________ berbuat bising di ruang ini," kata jururawat kepada sekumpulan lelaki itu.

   **A** Tidak　**C** Harap
   **B** Sila　**D** Jangan

2. __________ kata kamu Neeta. Wajarlah kita membantu mangsa kemalangan itu.

   **A** Ya　**C** Memang
   **B** Benar　**D** Harap

3. "__________ berdiam diri apabila disoal oleh guru. Kamu harus mencuba untuk menjawab soalan tersebut," pesan ibu kepada Amalina.

   **A** Usah　**C** Minta
   **B** Harap　**D** Tolong

4. __________ para peserta duduk di tempat masing-masing kerana acara akan bermula sebentar lagi.

   **A** Tolong　**C** Sila
   **B** Minta　**D** Harap



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

5. __________ bawakan kelengkapan makmal ini ke bilik makmal dengan berhati-hati.

**A** Usah **C** Harap
**B** Sila **D** Tolong

6. "__________ abaikan aspek keselamatan diri bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini," pesan Cikgu Latif kepada para peserta kayak itu.

**A** Sila **C** Jangan
**B** Harap **D** Tolong

## Praktis PT3 Bahagian B

**A** *Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan kata yang* **paling sesuai.**

1. __________ keadaan datuk pada pagi ini sudah bertambah baik.
2. Wanita yang memandu kereta itu __________ ibu saya, tetapi mak cik saya.
3. Murid-murid __________ dibenarkan masuk ke dalam makmal tanpa kebenaran guru.
4. Brosur ini __________ tentang cara-cara untuk menghindari pembuli.
5. "__________, saya tidak mengambil novel kakak," kata Amirul setelah ditanya oleh kakaknya tentang novel tersebut.
6. __________ terburu-buru dalam melakukan sesuatu perkara kerana sikap sebegini boleh mengundang padah.

**B** *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa.** *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang dsediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mengalu-alukan kedatangan pengetua yang baharu.

   ______________________________

2. Tolong duduk dahulu, Puan Sarah. Saya akan memanggil ibu di bilik.

   ______________________________

3. Lelaki yang dibawa ke hospital itu tidak pemandu bas, tetapi pemandu kereta.

   ______________________________

4. "Tolong jangan berlari di tangga," kata Cikgu Arman kepada murid-murid itu.

   ______________________________

5. Sejak kecil lagi dia hanya hendak menjadi seorang polis trafik.

   ______________________________

6. Saya tidak mengetahui hal yang dibincangkan oleh mereka semalam, tetapi Nurul adalah bertanyakan hal itu kepada Azhar.

   ______________________________

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS